



KEW.PA-27

No. Sebutharga : **FAMA/PELUPUSAN 15/2022**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Pejabat FAMA Negeri Terengganu
Lot 1622, Jalan Hiliran
20300 Kuala Terengganu
Terengganu.

1. Tawaran adalah dipelawa dari **syarikat** atau **orang perseorangan** yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:


BIL	NOMBOR DAFTAR	JENIS MODEL	JENIS KENDERAAN (Berat & Muatan - BDM/KG)	LOKASI	TAHUN BELI	NILAI RIZAB (RM)
1	WMR 2780	MITSUBISHI	LORI 1 TAN	TERENGGANU	2005	6,500.00
2	WQJ 1139	DAIHATSU	LORI 1 TAN	TERENGGANU	2007	8,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **14 September 2022 (Rabu) hingga 20 September 2022 (Selasa)** hari bekerja di antara jam **8.30 pagi hingga 4.30 petang** di lokasi yang berkaitan.
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (**KEW.PA 28**) yang boleh didapati secara percuma pada waktu pejabat di **Pejabat FAMA Negeri Terengganu, Lot 1622, Jalan Hiliran, 20300, Kuala Terengganu, Terengganu** dan laman web **FAMA** di alamat <http://www.fama.gov.my> .Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari. Butir-butir lanjut boleh didapati melalui No. Telefon **09-6224144 (ext:223)** sambungan **Unit Pengurusan Kenderaan (UPK)**.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri (gam) dan ditanda No. Sebutharga **FAMA/PELUPUSAN 15/2022** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:-

Pejabat Fama Negeri Terengganu
Lot 1622, Jalan Hiliran,
20300 Kuala Terengganu, Terengganu

5. **Tarikh tutup** sebutharga pada **20 September 2022 (Selasa)** jam **12.00** tengahari. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Saya yang menjalankan amanah,



(**NUKMAN BIN HASHIM**)

Pengarah FAMA Negeri Terengganu

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga rizab.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk ~~kiriman wang/wang pos/draf bank sahaja~~ atas nama **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan**.
3. Wang Proses sebanyak **RM50.00** adalah diwajibkan dan tidak akan dikembalikan.
4. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 14 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
10. Bagi penyebutharga yang tidak berjaya, wang deposit akan dikembalikan.

11. Lembaga tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang tertinggi ataupun sebarang tawaran sebutharga.
12. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat **berlakri (gam)** dan ditanda No. Sebutharga **FAMA/PELUPUSAN 15/2022** di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.
13. Pegawai dan Kakitangan dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) **TIDAK DIBENARKAN** menyertai tender ini kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak. (Rujuk Tatacara Pengurusan Aset FAMA).



KEW.PA -28

BORANG SEBUTHARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Nama Individu/Syarikat : _____

No. kad Pengenalan/Pendaftaran Syarikat : _____

Alamat :

Kepada :

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
Pejabat FAMA Negeri Terengganu
Lot 1622, Jalan Hiliran,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu

Tuan,

TAWARAN UNTUK SEBUTHARGA FAMA/PELUPUSAN 15/2022

Merujuk kepada perkara di atas, saya/syarikat berminat menyertai sebutbarga tersebut.

2. Tawaran saya/syarikat adalah seperti berikut :

BIL	NOMBOR DAFTAR	JENIS MODEL	JENIS KENDERAAN (BDM/KG)	LOKASI	NILAI RIZAB (RM)	HARGA TAWARAN (RM)	DEPOSIT (RM)
1	WMR 2780	MITSUBISHI	LORI 1 TAN	FAMA NEGERI TERENGGANU	6,500.00		
2	WQJ 1139	DAIHATSU	LORI 1 TAN	FAMA NEGERI TERENGGANU	8,000.00		

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebutharga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas yang bernilai RM _____(Ringgit Malaysia _____) dan wang proses sebanyak RM 50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja) dalam bentuk draf bank no . _____ atas nama **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.**

4. Saya/syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan _____

Nama/Cop Syarikat _____

No. Telefon _____

Emel _____

Nama Bank _____

No. Akaun _____

Alamat _____

Tarikh _____